

Kejayaan Umar Haikal: Mengatasi Cabaran untuk Mencapai Impian dan Membanggakan Ibu Bapa

Oleh: Ameesya Aghniya Ab Rahim



Keinginan untuk membawa ibu bapa ke pentas universiti, melihat mereka tersenyum bangga dengan pencapaiannya, menjadi dorongan utama bagi graduan Bacelor Sains Biologi dengan Pendidikan (Kepujian), Fakulti Sains UPM, Umar Haikal Othman, 23.

Beliau berasal dari keluarga yang sederhana, impian Umar untuk memberi penghormatan kepada ibu bapa melalui kejayaan akademiknya telah membakar semangatnya untuk terus maju.

Umar seperti graduan lain, tidak lari dari cabaran sepanjang pengajian, namun sesuatu perlu dilakukan demi cita-citanya. Ketika tahun kedua pengajian, beliau berdepan dengan kesulitan dalam menguruskan masa, antara komitmen akademik dan aktiviti kokurikulum yang beliau ceburi.



Namun, semangat juangnya tidak pernah pudar. Walaupun kadangkala merasa mahu menyerah, inspirasi dan sokongan rakan-rakan serta tekad untuk terus berjuang memberi kekuatan kepadanya.

"Pada waktu itu, saya merasakan sehari itu tidak cukup untuk menyiapkan segala-galanya. Tetapi dengan dorongan dari kawan-kawan, saya berjaya mengharungi kesulitan tersebut," jelas Umar, yang kini memperoleh purata gred kumulatif (CGPA) 3.84, satu pencapaian yang membanggakan.

Umar juga aktif dalam kokurikulum dan sentiasa mencari peluang untuk memperkaya pengalaman melalui program khidmat belajar semasa cuti. Bagi beliau, kejayaan akademik bukan sekadar memperoleh pointer tinggi, tetapi juga memperkasa diri dengan kemahiran dan pengalaman yang relevan.





"Pelajaran itu memang penting, tetapi pointer 4.0 tidak menjamin kehidupan yang baik. Kejayaan sebenar adalah apabila akademik itu seiring dengan kemahiran dan pengalaman yang kita peroleh," tambahnya ketika ditemui selepas Majlis Konvokesyen UPM Ke-48 Sidang 2 hari ini.

Berita Lain...




Cicada serangga 'nyaring', simpan rahsia ekosistem hutan

[Baca lagi »](#)



UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan



Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

[2025](#)

[2024](#)

[2023](#)

[2022](#)

[2021](#)

[2020](#)

[2019](#)

[2018](#)

[2017](#)



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB

Sustainability@UPM



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia